



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 12 September 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Polis Selamatkan 402 Kanak-Kanak, Remaja Dieksploitasi</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1132899/polis-selamatkan-402-kanak-kanak-remaja-dieksploitasi#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1132899/polis-selamatkan-402-kanak-kanak-remaja-dieksploitasi#google_vignette</a>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/eksploitasi-kanakkanak-agama-modus-operandi-gisb-kanakkanak-dididik-cara-meliwat-diliwat-kpn-487437">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/eksploitasi-kanakkanak-agama-modus-operandi-gisb-kanakkanak-dididik-cara-meliwat-diliwat-kpn-487437</a>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/11/ajar-kanak-kanak-perkara-tidak-senonoh-171-ditahan/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/09/11/ajar-kanak-kanak-perkara-tidak-senonoh-171-ditahan/#google_vignette</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685084/berita/semasa/20-rumah-amal-diserbu-402-kanak-kanak-diselamatkan---kpn">https://www.sinarharian.com.my/article/685084/berita/semasa/20-rumah-amal-diserbu-402-kanak-kanak-diselamatkan---kpn</a>  <a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/09/11/diajar-meliwat-dan-diliwat-402-kanak-kanak-dan-remaja-di-rumah-amal-gisb-dieksploitasi">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/09/11/diajar-meliwat-dan-diliwat-402-kanak-kanak-dan-remaja-di-rumah-amal-gisb-dieksploitasi</a>  <a href="https://www.malaysiakini.com/news/718869#google_vignette">https://www.malaysiakini.com/news/718869#google_vignette</a>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1297021/polis-selamatkan-402-kanak-kanak-remaja-mangsa-eksploitasi-rumah">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1297021/polis-selamatkan-402-kanak-kanak-remaja-mangsa-eksploitasi-rumah</a>  <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/20-rumah-amal-diserbu-171-ditahan-eksploitasi-kanak-kanak/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/20-rumah-amal-diserbu-171-ditahan-eksploitasi-kanak-kanak/</a>	Harian Metro  Astro Awani  Kosmo  Sinar Harian  MStar  Malaysia Kini  Berita Harian  Utusan	Neutral

	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/11/kanak-kanak-di-rumah-amal-gisbh-diajar-liwat-akmal-sedia-bersemuka-dengan-teresa-mgflash/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/09/11/kanak-kanak-di-rumah-amal-gisbh-diajar-liwat-akmal-sedia-bersemuka-dengan-teresa-mgflash/#google_vignette</a>	Malaysia Gazette	
2.	<p><b>JKM Cari Ibu Bapa Kandung Enam Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685103/edisi/selangor-kl/jkm-cari-ibu-bapa-kandung-enam-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/685103/edisi/selangor-kl/jkm-cari-ibu-bapa-kandung-enam-kanak-kanak</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/11/dua-beradik-dicari-tinggalkan-enam-anak-kepada-ibu/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/11/dua-beradik-dicari-tinggalkan-enam-anak-kepada-ibu/</a></p>	Sinar Harian  Kosmo	Neutral
3.	<p><b>JKM Cari Waris Bayi Perempuan</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132913/jkm-cari-waris-bayi-perempuan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132913/jkm-cari-waris-bayi-perempuan</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/waris-bayi-perempuan-dicari/">https://www.buletintv3.my/nasional/waris-bayi-perempuan-dicari/</a></p>	Harian Metro  Buletin TV3	Neutral
4.	<p><b>JKM Akan Bantu Keluarga Atlet Para SUKMA Selepas Rumahnya Musnah Dalam Kebakaran</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/11/jkm-akan-bantu-keluarga-atlet-para-sukma-selepas-rumahnya-musnah-dalam-kebakaran">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/11/jkm-akan-bantu-keluarga-atlet-para-sukma-selepas-rumahnya-musnah-dalam-kebakaran</a></p> <p><a href="https://www.theborneopost.com/2024/09/11/jkm-to-provide-assistance-to-para-sukma-athlete-christal-family-after-house-destroyed-in-fire/">https://www.theborneopost.com/2024/09/11/jkm-to-provide-assistance-to-para-sukma-athlete-christal-family-after-house-destroyed-in-fire/</a></p>	Utusan Borneo  The Borneo Post	Neutral
5.	<p><b>'Hati Bagai Dirobek, Anak Pulang Dari Taska Terkulai Layu'</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/09/1296869/hati-bagai-dirobek-anak-pulang-dari-taska-terkulai-layu">https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/09/1296869/hati-bagai-dirobek-anak-pulang-dari-taska-terkulai-layu</a></p>	Berita Harian	Neutral

6.	<p><b>Warganet Mampu Berperanan Hebahkan TASKA Tak Daftar JKM</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/rencana/minda-pembaca/2024/09/1296960/warganet-mampu-berperanan-hebahkan-taska-tak-daftar-jkm">https://www.bharian.com.my/amp/rencana/minda-pembaca/2024/09/1296960/warganet-mampu-berperanan-hebahkan-taska-tak-daftar-jkm</a></p>	Berita Harian	Neutral
7.	<p><b>Kanak-Kanak Diami Rumah Amal Di Puchong Tidak Sekolah</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/kanak-kanak-diami-rumah-amal-di-puchong-tidak-sekolah/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/kanak-kanak-diami-rumah-amal-di-puchong-tidak-sekolah/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/11/kanak-kanak-rumah-amal-didakwa-tidak-bersekolah/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/11/kanak-kanak-rumah-amal-didakwa-tidak-bersekolah/</a></p>	Utusan  Kosmo	Neutral
8.	<p><b>Bapa Dakwa Bayi Meninggal Dunia Bukan Tersedak Susu</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/bapa-dakwa-bayi-meninggal-dunia-bukan-tersedak-susu/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/bapa-dakwa-bayi-meninggal-dunia-bukan-tersedak-susu/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685096/berita/semasa/bayi-kami-dikasari-sehingga-meninggal-dunia">https://www.sinarharian.com.my/article/685096/berita/semasa/bayi-kami-dikasari-sehingga-meninggal-dunia</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/11/keluarga-bayi-maut-di-pusat-jagaan-cadang-ambil-tindakan-undang-undang/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/11/keluarga-bayi-maut-di-pusat-jagaan-cadang-ambil-tindakan-undang-undang/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1132922/bayi-kami-bukan-tersedak-susu-tetapi-dikasari-dipukul">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1132922/bayi-kami-bukan-tersedak-susu-tetapi-dikasari-dipukul</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/bayi-berusia-30-hari-meninggal-dunia-bukan-tersedak-susu-bapa/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/bayi-berusia-30-hari-meninggal-dunia-bukan-tersedak-susu-bapa/</a></p> <p><a href="https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2339416">https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2339416</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/keluarga-bayi-mati-di-pusat-jagaan-cadang-ambil-tindakan-undang-undang-jika-ada-unsur-kecuaian-ND12990692">https://thesun.my/cerita/berita/keluarga-bayi-mati-di-pusat-jagaan-cadang-ambil-tindakan-undang-undang-jika-ada-unsur-kecuaian-ND12990692</a></p>	Utusan  Sinar Harian  FMT  Harian Metro  Utusan  Bernama  The Sun	Neutral

8.	<p><b>Wanita Rugi Lebih RM200,000, Ditipu 'Pegawai Polis', 'Pegawai Kementerian Komunikasi'</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1297279/wanita-rugi-lebih-rm200000-ditipu-pegawai-polis-pegawai-kementerian">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1297279/wanita-rugi-lebih-rm200000-ditipu-pegawai-polis-pegawai-kementerian</a></p>	Berita Harian	Neutral
9	<p><b>Lelaki Warga Emas Rugi RM91,060 Ditipu Pelaburan Emas</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/lelaki-warga-emas-rugi-rm91060-ditipu-pelaburan-emas/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/lelaki-warga-emas-rugi-rm91060-ditipu-pelaburan-emas/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesara-rugi-hampir-rm100000-terpedaya-skim-pelaburan-tidak-wujud-487418">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesara-rugi-hampir-rm100000-terpedaya-skim-pelaburan-tidak-wujud-487418</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685011/berita/semasa/pesara-usia-85-tahun-rugi-rm91060-terpedaya-skim-pelaburan">https://www.sinarharian.com.my/article/685011/berita/semasa/pesara-usia-85-tahun-rugi-rm91060-terpedaya-skim-pelaburan</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2339153">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2339153</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/09/1296887/pesara-rugi-hampir-rm100000-terpedaya-skim-pelaburan-tak-wujud">https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/09/1296887/pesara-rugi-hampir-rm100000-terpedaya-skim-pelaburan-tak-wujud</a></p> <p><a href="https://suarasarawak.my/pesara-kerajaan-berputih-mata-rm91060-gara-gara-terlibat-pelaburan-madinah-emas/">https://suarasarawak.my/pesara-kerajaan-berputih-mata-rm91060-gara-gara-terlibat-pelaburan-madinah-emas/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Bernama</p> <p>Berita Harian</p> <p>Suara Sarawak</p>	Neutral
10.	<p><b>Pemuda OKU Gigih Jual Air Naik Motosikal</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685178/edisi/melaka/ns/pemuda-oku-gigih-jual-air-naik-motosikal">https://www.sinarharian.com.my/article/685178/edisi/melaka-ns/pemuda-oku-gigih-jual-air-naik-motosikal</a></p>	Sinar Harian	Neutral

## **POLIS SELAMATKAN 402 KANAK-KANAK, REMAJA DIEKSPLOITASI**

Kuala Lumpur: Polis berjaya menyelamatkan 402 kanak-kanak berusia antara satu hingga 17 tahun yang dipercayai dieksploitasi di 18 rumah kebajikan di Selangor dan Negeri Sembilan dalam satu Op Global, semalam.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, daripada jumlah itu, kanak-kanak lelaki dan perempuan masing-masing berjumlah 201 orang.

Katanya, hasil serbuan itu mendedahkan berlaku kesalahan pengabaian serta penganiayaan kanak-kanak yang juga penghuni rumah amal terbabit.

"Susulan kes itu, seramai 171 individu ditahan, termasuk 105 wanita berusia 17 dan 64 tahun," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, hari ini.

Hadir sama, Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman dan Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Nor Hisam Nordin.

Razarudin berkata, berdasarkan maklumat serta siasatan yang dilaksanakan, polis mengesyaki bahawa 'Global Ikhwan Service and Business Holding' (GISBH) melakukan kesalahan dalam kegiatan pemerdagangan orang dan kesalahan lain.

"Modus operandi GISBH ini berdasarkan risikan dan kenyataan mangsa mendapati, mangsa ini diajar, dididik untuk meliwat seterusnya diliwat oleh penjaga dan dipaksa meliwat penghuni kanak-kanak lain, ini daripada risikan serta percakapan yang kita rakam.

"Mangsa yang tidak sihat, tidak dibenarkan mendapat rawatan di klinik sehingga keadaan kritikal.

"Pada masa sama, sentimen agama digunakan untuk menarik simpati dan juga mendapat sumbangan daripada luar," katanya.

Beliau berkata, terdapat juga kanak-kanak yang didera menggunakan objek seperti sudu yang panas sebagai bentuk hukuman apabila anak-kanak terbabit melakukan kesilapan.

"Polis juga sudah membuka empat kertas siasatan dan satu daripadanya kita mendapat arahan daripada Pejabat Peguam Negara untuk melaksanakan pertuduhan.

"Pertuduhan atas satu kertas siasatan ini adalah mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 dan lain-lain siasatan yang sudah dibuka mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017, Seksyen 354 Kanun Keseksaan (Mencabul Kehormatan) dan beberapa seksyen lain," katanya.

Harian Metro dan Metro Ahad menerusi laporan eksklusif Sabtu dan Ahad lalu melaporkan, bakar tangan, cabut rumput sehingga penuh plastik hitam dan salah

laku seksual antara bentuk penderaan yang dilakukan sebuah rumah kebajikan yang bernaung di bawah sebuah syarikat berkaitan produk Islam terkenal.

Malah, ada dalam kalangan mereka menjadi mangsa liwat dan lebih malang selepas diliwat mereka pula akan dipaksa meliwat rakan lain oleh penjaga.

Kegiatan penderaan fizikal itu dikatakan berlaku sejak lebih 10 tahun lalu membabitkan penghuni di rumah berkenaan terbongkar selepas seorang penjaga berusia 19 tahun ditahan pihak berkuasa Rabu lalu di Seremban, Negeri Sembilan.

Susulan pendedahan akhbar ini, ia turut mendapat perhatian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri dilaporkan berkata, kementeriannya akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menyelamatkan kanak-kanak terancam dan perlukan perlindungan.

## **JKM CARI IBU BAPA KANDUNG ENAM KANAK-KANAK**



KUALA SELANGOR - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor sedang mencari dua pasangan suami isteri kepada enam kanak-kanak bagi urusan penjagaan dan penempatan.

Pelindung Kanak-Kanak JKM Kuala Selangor, Siti Hawa Selamat berkata, K Nanthini, 30, dan suaminya, N Nadarajah, 38, dicari selepas meninggalkan tiga anak mereka iaitu N Suriyaprakash, 6, N Mugileswaran, 9, dan N Tennarasu, 10.

"Ketiga-tiga kanak-kanak ini ditinggalkan kepada nenek mereka di Kampung Bukit Cherakah, Jeram, di sini," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Rabu.

Siti Hawa berkata, wanita sama juga kini terpaksa menjaga tiga lagi cucu, selepas adik kepada Nanthini, K Shalini, 26, dan suaminya, K Kogilabalan, 38, menghilangkan diri sejak Ogos lalu.

Ujarnya, tiga anak perempuan pasangan itu iaitu K Angel yang berusia setahun, K Hemalini, 3, dan K Jeya Sri, 6, dijaga nenek selepas ditinggalkan di rumah sama.



Jelas Siti Hawa, semua kanak-kanak itu kini ditempatkan dalam jagaan orang layak mengikut Seksyen 19(2) Akta Kanak-Kanak 2001 mulai 16 Ogos lalu sehingga 23 September ini.

"JKM memerlukan maklumat mengenai ibu kandung bagi membolehkan siasatan dan penempatan kanak-kanak dilakukan sewajarnya," ujarnya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat supaya menghubungi JKM Kuala Selangor di talian 03-32891495 bagi tindakan lanjut.

## **JKM CARI WARIS BAYI PEREMPUAN**



Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Raub berusaha mengesan waris bayi perempuan yang ditinggalkan di warung Kampung Jenud, Ulu Atuk, Raub. FOTO IHSAN JKM

Kuantan: Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) mengesan waris bayi perempuan berusia 14 hari yang ditinggalkan di warung Kampung Jenud, Ulu Atuk, Raub.

Bayi berkenaan menjalani pemeriksaan di Hospital Raub, kini ditempatkan di bawah penjagaan JKM.

Pegawai Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Raub, Fairuez Ramli berkata, bayi berkenaan ditemui suami isteri yang mengusahakan warung pada 28 Ogos lalu.

Katanya, ketika ditemui bayi terbabit dalam keadaan sihat sebelum dibawa ke Klinik Kesihatan Jeruas dan dirujuk ke Hospital Raub.

"Tiada sebarang dokumen diri dan nota ditemui bersama bayi terbabit yang kini di bawah penjagaan institusi JKM sepenuhnya," katanya.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai bayi terbabit diminta menghubungi PKMD Raub di talian 09-3551113.

## **KANAK-KANAK DIAMI RUMAH AMAL DI PUCHONG TIDAK SEKOLAH**

PUCHONG: Penghuni rumah kebajikan di Kampung Sri Aman, di sini yang diserbu Polis Diraja Malaysia (PDRM) didapati tidak bersekolah dan melakukan aktiviti sendiri di premis tersebut.



Seorang penduduk yang enggan dikenali berkata, dia tidak pernah melihat penghuni di rumah kebajikan yang terdiri daripada kanak-kanak pergi ke sekolah.

“Mereka lebih gemar membuat aktiviti sendiri dalam kawasan rumah amal itu.

“Penghuni (kanak-kanak) itu juga didapati tidak berbual dengan orang ramai kerana masing-masing bergaul sesama sendiri,” katanya ketika ditemui berhampiran rumah kebajikan terbabit hari ini.

Seorang penduduk tempatan yang enggan dikenali berkata, dia pernah berhadapan situasi sama ketika menjadi pentadbir sebuah sekolah di Rawang sebelum ini.

Beliau mendakwa, kanak-kanak di rumah amal tersebut telah diberhentikan sekolah bagi menjalankan aktiviti perniagaan.

“Ketika saya jadi pentadbir sekolah sebelum ini, ada beberapa remaja perempuan berusia 16 tahun bersekolah di tempat saya namun mereka hanya datang sekolah dua atau tiga hari sahaja.

“Pihak kami (sekolah) kemudian menghubungi organisasi tersebut tetapi akhirnya mereka diberhentikan sekolah dengan alasan untuk berniaga,” jelasnya.

Sementara itu, seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Shamsuri Omar, 65, berkata, dia terkejut apabila nampak sebuah lori ‘Black Maria’ polis berada di hadapan kedai miliknya berhampiran premis itu, awal pagi tadi.

“Semasa pulang dari solat Subuh, kenderaan polis itu sudah berada di depan kedai dan saya melihat kanak-kanak di rumah amal dibawa oleh pihak polis.

“Kebanyakan penghuni rumah amal tersebut adalah kanak-kanak dan remaja wanita yang berusia 13 tahun dan ke atas.

“Mereka itu tidak banyak bergaul dengan penduduk setempat dan membuat aktiviti sendiri di premis yang diduduki itu,” katanya. – [UTUSAN](#)

## **BAPA DAKWA BAYI MENINGGAL DUNIA BUKAN TERSEDAK SUSU**

KOTA BHARU - **[DIKEMAS KINI]** "Bayi kami dikasari sehingga meninggal dunia. Bukan tersedak susu sepertimana yang dilaporkan awalnya," itu dakwaan bapa kepada bayi lelaki berusia 30 hari yang maut semasa dibawah jagaan seorang jururawat di sebuah pusat jagaan berpantang di sini.

Choo Kamin, 30, memberitahu perkara sebenar itu terbongkar apabila mereka menyaksikan sendiri kejadian yang menimpa anak sulungnya, Choo Jyn Hern melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang ada di bilik pusat jagaan itu.



Pheck Chin (kanan) dan Pei Yin menunjukkan rakaman CCTV yang mengaksikan bayi dikasari kepada Dr Hafidzah (kiri)

Dakwanya, bayi yang dinantikan selama tiga tahun itu diperlakukan dengan kasar oleh jururawat tersebut sehingga isterinya, Yap Pei Yin, 29, melalui trauma yang teruk apabila kejadian terbabit berlaku pada hari lahirnya iaitu 9 September.

"Sehingga sekarang emosi isteri tidak stabil malah setiap kali ingin mengepam susu, dia akan menangis teringat anak kami.

"Saya pilih pusat jagaan berpantang tersebut untuk mendapatkan rawatan terbaik buat isteri serta anak. Kami membayar RM13,000 untuk rawatan selama 28 hari.

"Kami sepatutnya keluar dari pusat tersebut pada 10 September dan kejadian itu berlaku sehari sebelumnya," katanya kepada pemberita semasa ditemui di rumahnya di Kampung Teluk Panji di sini pada Rabu.

Sebelum itu keluarga tersebut menerima kunjungan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Lama, Dr Hafidzah Mustakim.



Ahli keluarga Kamin sehingga hari ini masih trauma dengan kehilangan bayi lelaki sulung mereka.

Susulan kejadian terbabit, Kamin serta ahli keluarganya akan mengambil tindakan saman terhadap pusat jagaan berpantang itu serta menyerahkan kes jururawat terbabit kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

Ujarnya, kejadian itu memberikan trauma bukan sahaja kepada isteri tetapi ibunya, Gan Pheck Chin, 60, yang sangat menantikan kehadiran cucu lelaki itu.

"Sehingga hari ini ibu masih bersedih dan kami berharap nasib yang menimpa anak kami ini akan mendapat pembelaan," katanya.

Sinar Harian pada Selasa melaporkan, bayi lelaki berusia 30 hari meninggal dunia selepas didapati tidak sedarkan diri setelah diberikan susu oleh jururawat yang ditugaskan menjaga mangsa di sebuah pusat jagaan berpantang di sini, pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd Rosdi Daud, berkata, polis menerima laporan berkaitan kejadian pada jam 5.30 pagi.



Pei Yin tidak dapat menahan sedih ketika menerima kunjungan daripada Dr Hafidzah ke rumahnya di Kampung Teluk Panji, Kota Bharu.

Menurut beliau, laporan diterima berkaitan pengabaian sehingga menyebabkan kematian bayi berkenaan.

Pada Rabu, seorang jururawat direman tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung kes pengabaian sehingga menyebabkan kematian seorang bayi lelaki berusia 30 hari pada Isnin.

Perintah tahanan reman bermula Rabu sehingga Selasa depan terhadap wanita berusia 22 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Rais Imran Hamid.

Ia bagi membolehkan pihak polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001.

## **WANITA RUGI LEBIH RM200,000, DITIPU 'PEGAWAI POLIS', 'PEGAWAI KEMENTERIAN KOMUNIKASI'**

JOHOR BAHRU: Seorang wanita kerugian RM206,900 selepas menerima panggilan telefon daripada individu menyamar pegawai polis dan pegawai Kementerian Komunikasi, tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh, berkata pihaknya menerima laporan dibuat seorang wanita berusia 64 tahun pada jam 1.31 tengah hari semalam, yang mendakwa menerima panggilan telefon daripada individu tidak dikenali pada Julai 2023.

"Pengadu memberitahu, individu berkenaan memperkenalkan diri sebagai pegawai dari Kementerian Komunikasi yang mengatakan pengadu terbabit dengan kes siber, namun pengadu menafikan perkara itu.

"Kemudian, pengadu mendakwa menerima lagi panggilan telefon daripada dua individu yang mengaku sebagai pegawai polis.

"Tuan Omar' dan 'Inspektor Khoo Lee Feng' memaklumkan bahawa pengadu terbabit dengan siasatan jenayah pengubahan wang haram sebelum meminta pengadu memberikan maklumat berkenaan akaun bank yang dimilikinya," katanya menerusi kenyataan media, hari ini.

Menurut Balveer Singh, pengadu kemudian memberikan maklumat berkaitan akaun bank miliknya serta beberapa nombor kod OTP kepada 'Tuan Omar' bagi tujuan siasatan dan diarahkan untuk merahsiakan perkara itu daripada pengetahuan sesiapa sehingga arahan lanjut diberikan.

Katanya, pada 6 September lalu, pengadu membuat semakan akaun di bank dan mendapati terdapat 12 transaksi pemindahan wang berjumlah RM206,900 bermula 14 September 2023 hingga 14 November 2023.

"Transaksi itu dibuat daripada akaun pengadu ke enam akaun bank berbeza dan pengadu syak dia telah tertipu sebelum membuat laporan polis," katanya.

Menurut beliau, kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana tipu.

Katanya, siasatan juga akan meliputi pembabitkan keldai akaun jika ada, dan tindakan akan diambil terhadap pemilik akaun yang terbabit.

## **LELAKI WARGA EMAS RUGI RM91,060 DITIPU PELABURAN EMAS**

KUALA TERENGGANU: Seorang lelaki warga emas berusia 85 tahun mengalami kerugian RM91,060 setelah tertipu dengan tawaran pelaburan emas yang tidak wujud menerusi WhatsApp, Oktober tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd. Noor berkata, suspek menawarkan pelaburan 'Emas Madinah' dengan modal RM500 kepada mangsa pada 29 Oktober 2023.

Beliau berkata, menerusi pakej VIP berkenaan, mangsa yang juga pesara kerajaan dijanjikan pulangan lumayan sehingga RM15,800 dalam masa empat jam sahaja.

“Mangsa yang berminat dengan tawaran tersebut kemudian dengan rela hati membuat 26 transaksi pemindahan wang ke enam buah akaun bank seperti diarahkan suspek.

“Setelah mengeluarkan ‘modal’ sebanyak RM91,060, mangsa bagaimanapun tidak menerima wang pulangan seperti yang dijanjikan dan merasakan dirinya telah ditipu.

“Mangsa telah membuat laporan pada 9 September lalu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan (KK) kerana menipu,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Sehubungan itu, Azli berkata, beliau menasihatkan orang ramai agar lebih berhati-hati dan berwaspada dengan tawaran pelaburan mencurigakan dan menjanjikan pulangan lumayan.

Katanya, masyarakat perlu membuat semakan terlebih dahulu dengan pihak berkuasa sebelum membuat sebarang transaksi bagi mengelak menjadi mangsa penipuan atas talian. – UTUSAN

## **PEMUDA OKU GIGIH JUAL AIR NAIK MOTOSIKAL**



Aniq Fitri gigih mencari rezeki menjual air dengan menunggang motosikal roda tiganya.

SEREMBAN - Kekurangan diri bukan menjadi penghalang buat seorang remaja orang kurang upaya (OKU) Cerebral Palsy untuk mencari rezeki dengan menjual air menggunakan motosikal roda tiga.

Boleh dikatakan setiap hari, Aniq Fitri Ros Efendi, 19, akan menunggang motosikalnya di sekitar Senawang di sini untuk berniaga dari satu tempat ke satu tempat.





Aniq Fitri berharap ramai yang memberi sokongan kepadanya.

Meskipun mengakui ada yang mengambil kesempatan terhadap kekurangan dirinya, namun itu tidak menjadi penghalang untuknya terus mencari rezeki dan belajar berdikari.

Menurut anak tunggal itu, dia mahu membuktikan kepada orang ramai yang OKU sepertinya juga mampu berjaya seperti insan normal lain.

"Bukan orang normal saja boleh berjaya. Kita OKU ini pun boleh berjaya dengan cara kita sendiri.

"Kadang-kadang orang fikir OKU ini buat apa? Duduk rumah, makan dan tidur saja. Saya tak nak orang fikir saya macam itu dan sebab itulah saya keluar bekerja," katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui di Senawang pada Rabu.

Menurutnya, dia memilih untuk berniaga air botol kerana itu saja peluang pekerjaan yang diterimanya selepas mencuba nasib mencari kerja di beberapa tempat di daerah ini.



Aniq Fitri dan Ros Efendi (kanan) sama-sama mencari rezeki dengan menjual air menggunakan motosikal.

Katanya, peluang itu tidak akan disia-siakan dan setiap hari kira-kira 35 hingga 40 botol air minuman pelbagai perisa yang terjual.

"Sudah empat bulan saya bekerja dan Alhamdulillah mampu memperoleh pendapatan RM1,000 sebulan.



"Kalau duit simpanan saya dah cukup, saya target nak beli jam tangan jenama G-Shock, iPhone dan kereta," katanya.

Bagaimanapun dengan keadaan fizikalnya, Aniq Fitri mengakui yang dia mudah penat, tetapi seronok untuk bekerja kerana dapat berjalan-jalan dan berjumpa ramai orang.

Melihat kegigihan anak muda terbabit, tiada siapa menyangka yang dia sebenarnya pernah bergelut dengan emosi dek kerana desakan hatinya yang mahu diterima sama seperti insan normal lain.

Menceritakan mengenai itu bapanya, Ros Efendi Abd Rahman, 48, berkata, meskipun dari fizikalnya, Aniq Fitri kelihatan OKU, namun pemikirannya normal.

"Itu yang membuatkan dia ada ketikanya tertekan dan mudah mengamuk kerana sedih dengan keadaan diri.

"Dia kalau boleh nak jadi macam rakan-rakan sebayanya yang lain kerana dia ada pemikiran yang normal. Cumanya takdir Allah keadaan keupayaan fizikal dia tak normal," katanya.



Aniq Fitri bergurau dengan Ros Efendi yang sedang menyusul air di dalam kotak penyimpanan di belakang motosikalnya.

Keadaan itu juga membuatkan Ros Efendi terpaksa membuat keputusan berhenti kerja di sebuah syarikat pengiklanan bagi memberi sepenuh perhatian kepada anaknya.

Bagi menyara hidup keluarga, dia mengambil upah membuat dekorasi di rumah pelanggan dan melakukan kerja-kerja sampingan lain.

"Untuk Aniq, saya terpaksa berhenti kerja kerana nak beri tumpuan sepenuhnya kepada dia untuk rawatan hospital, perubatan Islam, fisioterapi dan macam-macam lagi.

"Tapi melihat keadaan dia sekarang yang sudah boleh bekerja sendiri dan belajar hidup berdikari, saya sebagai bapa sangat bangga dan berharap dia lebih berjaya suatu hari nanti," katanya.

Tambahnya, jika pada awal Aniq Fitri bekerja, dia akan mengikut dari belakang bagi memastikan keselamatan anak kesayangannya itu.

Namun ujar Ros Efendi, selepas sebulan, dia 'melepaskan' anaknya itu mencari rezeki sendiri.

"Kalau orang lain tengok dia pun risau, apatah pula saya sebagai seorang bapa. Tapi saya kena kuatkan semangat, demi masa depannya.

"Sekarang ini saya dan isteri masih ada, bagaimana nanti jika kami tiada. Semestinya Aniq perlu belajar hidup berdikari," katanya.

Sementara itu katanya, dia dan isteri tidak menyangka akan dikurniakan anak istimewa kerana ketika dalam kandungan doktor maklumkan bayi berada dalam keadaan baik.

Bagaimanapun jelas Ros Efendi, pada hari kelahiran, doktor maklumkan yang bayi hampir lemas dalam perut dan isterinya perlu lahirkannya melalui pembedahan.

"Masa Aniq lahir pun doktor kata peluangnya hidup 50-50 dan seminggu berada dalam keadaan koma sebelum dibenarkan keluar dari hospital.

"Terus terang cakap ia bukan mudah untuk saya dan isteri terima pada awalnya kerana kami tiada pengalaman langsung dengan anak istimewa.

"Tapi ALLAH pilih kami dan saya dan isteri pun tak tahu bagaimana dapat kekuatan untuk memikul amanah ini," katanya.